BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 02/11/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Isnin, 28 Februari 2011

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Januari 2011

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada bulan Januari, meningkat sebanyak 2.4% pada asas tahunan. Peningkatan ini sebahagian besarnya mencerminkan harga komoditi dan tenaga yang tinggi dalam ekonomi global yang menyebabkan harga makanan dan bahan api menjadi lebih tinggi. Seperti ekonomi serantau dan global lain, inflasi di Malaysia pada bulan tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan *pengangkutan*. Kenaikan harga makanan sebahagian besarnya dalam subkategori *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah,* mencerminkan harga sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih tinggi. Harga pengangkutan yang lebih tinggi mencerminkan kenaikan harga runcit untuk bahan api dan minyak enjin serta kos servis dan membaiki kereta pada bulan tersebut.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank stabil pada bulan Januari. Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.27% pada akhir bulan itu. Kadar deposit runcit juga stabil. Sementara itu, wang secara luas (M3) berkembang pada kadar yang lebih cepat pada bulan Januari. Peningkatan dalam M3 mencerminkan aliran masuk asing yang lebih tinggi dan pemberian kredit yang lebih cepat oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Wang secara kecil (M1) juga meningkat dengan ketara mencerminkan permintaan terhadap mata wang yang lebih tinggi menjelang musim perayaan. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta meningkat sebanyak RM7.2 bilion pada bulan Januari didorong terutamanya oleh pinjaman terkumpul yang meningkat, manakala terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) menjadi sederhana pada bulan itu. Peningkatan pinjaman terkumpul kepada perniagaan sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor *perkilangan, borong dan runcit, restoran dan hotel;* sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi* serta sektor *kewangan*. Pinjaman terkumpul isi rumah terus meningkat dengan stabil, didorong

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman*; *kereta penumpang dan sekuriti*. Permintaan terhadap pinjaman kekal kukuh dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya daripada sektor isi rumah.

Sistem Perbankan: Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh, walaupun nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing menurun kepada 14.1% dan 12.4%. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengagihan perolehan tertahan oleh sebuah kumpulan perbankan. Paras pinjaman terjejas (impaired loans) bersih berjumlah 2.2% daripada pinjaman bersih, manakala perlindungan kerugian pinjaman melebihi sedikit daripada 90%.


Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Januari, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan rakan perdagangan utama Malaysia, kecuali euro. Prospek pertumbuhan positif di Asia berbanding dengan ekonomi maju terus menyokong mata wang serantau, serta mendorong sentimen pelabur terhadap ekonomi dan pasaran kewangan serantau. Pada bulan Februari, ringgit terus kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM338 bilion (bersamaan dengan USD109.6 bilion) pada 14 Februari 2011, memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
28 Februari 2011


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi meningkat pada bulan Januari

Inflasi




Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen




* Lain-lain termasuk perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau, restoran dan hotel, pendidikan, kesihatan, hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, dan pakaian dan kasut

Kadar faedah stabil


Kadar Antara Bank Semalaman Purata




Kadar Antara Bank Purata



Kadar Deposit Bank Perdagangan




Kadar Pinjaman Bank Perdagangan




Mudah tunai sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit




Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia




Pertumbuhan wang secara luas berterusan

M1 dan M3




Penyumbang Utama Pertumbuhan M3




Aktiviti pembiayaan terus kukuh pada bulan Januari


Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan




Pembiayaan Kasar Sektor Swasta




* Tidak termasuk terbitan asing


Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan




Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan




Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Perlindungan Kerugian Pinjaman



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.


Ringgit bertambah kukuh berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Nov 10		Dis 10		Jan 11	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		57.6	4.3	61.3	11.8	68.1	16.4
M1		220.0	9.9	224.4	11.7	240.0	17.9
M2		1,051.5	8.1	1,060.2	7.2	1,082.4	9.1
M3		1,082.2	8.2	1,089.0	7.0	1,111.4	8.8
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		8.8	10.8	17.4	11.3	7.2	11.5
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		81.3		81.3		81.2	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		87.9		87.7		87.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		56.1	13.3	57.3	36.6	58.4	22.2
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		30.2	4.7	31.2	17.3	27.4	17.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		64.4	0.8	63.4	-2.6	65.9	16.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		57.4	6.8	57.1	1.6	58.4	16.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.3		14.8		14.1	
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (%)		2.3		2.3		2.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		326.4		328.6		333.5	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		105.8		106.5		108.1	
Bilangan bulan import tertangguh		8.6		8.5		8.7	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.75		2.75		2.75	
Antara bank:	Semalaman	2.73 [2.73]		2.72 [2.73]		2.74 [2.73]	
	1 minggu	2.76 [2.76]		2.77 [2.76]		2.76 [2.76]	
	1 bulan	2.79 [2.79]		2.83 [2.79]		2.80 [2.80]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.71		2.71		2.71	
	3 bulan	2.74		2.74		2.74	
BLR bank perdagangan		6.27		6.27		6.27	
ALR bank perdagangan		4.99		5.05		5.10	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		100.8	2.0	101.2	2.2	101.8	2.4

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.